

D.R. 17/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Hasutan 1948.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hasutan (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan sebelum takrif “Government” takrif yang berikut:

‘ “by electronic means”, in relation to a publication, means—

- (a) broadcasted so as to be available for reception by members of the public or of a section of the public; or
- (b) communicated through network services to members of the public or of a section of the public;’.

Pindaan seksyen 3**3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “or against any Government”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) misalan yang berikut:

“ILLUSTRATION

A excites a person or a group of persons to demand for the secession of State B from Malaysia. Such act is seditious.”;

(iii) dengan memotong perenggan (c);

(iv) dalam perenggan (e)—

(A) dengan menggantikan perkataan “and hostility” dengan perkataan “, hostility or hatred”; dan

(B) dengan memotong perkataan “or” di hujung perenggan itu; dan

(v) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) to promote feelings of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion; or”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “or in the administration of justice”; dan

- (ii) dengan menggantikan subperenggan (c)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) to point out, with a view to their removal, any matters producing or having a tendency to produce feelings of ill will, hostility or hatred—

(A) between different races or classes of the population of Malaysia; or

(B) between persons or groups of persons on the ground of religion,”; dan

- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “published” perkataan “or caused to be published”.

Pindaan seksyen 4

4. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “publishes” perkataan “or causes to be published”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “for a first offence to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both, and, for a subsequent offence, to imprisonment for a term not exceeding five years” dengan perkataan “to imprisonment for a term of not less than three years but not exceeding seven years”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Any person who—

- (a) does or attempts to do, or makes any preparation to do, or conspires with any person to do, any act which has or which would, if done, have a seditious tendency;
- (b) utters any seditious words;
- (c) prints, publishes or causes to be published, sells, offers for sale, distributes or reproduces any seditious publication; or
- (d) imports any seditious publication,

and by such act causes bodily injury or damage to property shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term of not less than five years but not exceeding twenty years.”.

Seksyen baru 5A dan 5B

5. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

“No bail to be granted

5A. When a person is charged with an offence under subsection 4(1A) and there is a certificate in writing by the Public Prosecutor stating that it is not in the public interest to grant bail to the person charged, the person shall not be released on bail.

Power of court to prevent person from leaving Malaysia

5B. (1) When a person is charged with an offence under section 4 and released on bail, the court shall, on the application of the Public Prosecutor—

- (a) order the person to surrender his travel documents within such period specified in the order until all proceedings in relation to the charge against the person have been concluded; or
- (b) in cases where the person has no travel documents and he is a citizen or permanent resident, order the Director General of Immigration not to issue any travel document to the person until all proceedings in relation to the charge against the person have been concluded.

(2) Any person who fails to comply with an order made under paragraph (1)(a), shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both, and his bail shall be revoked by the court.

(3) For the purpose of this section—

- (a) “Director General of Immigration” means the Director General of Immigration appointed under section 3 of the Immigration Act 1959/63 [*Act 155*]; and
- (b) “travel document” means a passport or any form of valid document of identity issued by any government for the purpose of travel across international boundaries.”.

Penggantian seksyen 6

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Evidence

6. No person shall be convicted of any offence under paragraph 4(1)(c) or (d) or 4(1A)(c) or (d) if the person proves

that the publication in respect of which he is charged was printed, published or caused to be published, sold, offered for sale, distributed, reproduced or imported without his authority, consent and knowledge and without any want of due care or caution on his part, or that he did not know and had no reasonable ground to believe that the publication had a seditious tendency.”.

Seksyen baru 6A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Non-application of sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code

6A. Sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code [*Act 593*] shall not apply in respect of offences under subsection 4(1A).”.

Pindaan seksyen 10

8. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Where on the application of the Public Prosecutor it is shown to the satisfaction of a Sessions Court Judge that the making or circulation of a seditious publication—

(a) is or if commenced or continued would likely lead to bodily injury or damage to property;

(b) appears to be promoting feeling of ill will, hostility or hatred between different races or classes of the population of Malaysia; or

- (c) appears to be promoting feeling of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion,

the Sessions Court Judge shall make an order (“prohibition order”) prohibiting the making or circulation of that seditious publication (“prohibited publication”).”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) The prohibition order under subsection (1) shall—

- (a) require every person having any copy of the prohibited publication in his possession, power, or control to deliver forthwith every such copy into the custody of the police; or

- (b) in the case of a prohibited publication by electronic means—

- (i) require the person making or circulating the prohibited publication to remove or cause to be removed wholly or partly the prohibited publication; and

- (ii) prohibit the person making or circulating the prohibited publication from accessing any electronic device.”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Any person who contravenes a prohibition order made under subsection (1) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both and, in the case of a continuing offence, to a fine of three thousand ringgit for each day during which the offence continues after conviction and in default of the payment of the fine, be liable to imprisonment for a term not exceeding one year.”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Every person who knowingly have in his possession, power or control a prohibited publication shall—

- (a) forthwith deliver every such prohibited publication into the custody of the police; and
- (b) in the case of a prohibited publication by electronic means, remove or cause to be removed wholly or partly the prohibited publication,

and if he fails to do so, he shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both and, in the case of a continuing offence, to a fine of three thousand ringgit for each day during which the offence continues after conviction and in default of the payment of the fine, be liable to imprisonment for a term not exceeding one year.”; dan

- (e) dengan memotong subseksyen (9).

Seksyen baru 10A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Special power to issue order regarding seditious publication by electronic means

10A. Where on the application of the Public Prosecutor it is shown to the satisfaction of a Sessions Court Judge that the making or circulation of a seditious publication by electronic means by a person who cannot be identified—

- (a) is or if commenced or continued would likely lead to bodily injury or damage to property;
- (b) appears to be promoting feeling of ill will, hostility or hatred between different races or classes of the population of Malaysia; or

- (c) appears to be promoting feeling of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion,

the Sessions Court Judge shall make an order directing an officer authorized under the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588] to prevent access to such publication.”.

HURAIAN

Pada malam menjelang Hari Malaysia 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan untuk membawa suatu titik perubahan untuk menambah baik sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Jaminan ini diulangi pada Julai 2012 dan keputusan telah dibuat agar Akta Hasutan 1948 dimansuhkan. Walau bagaimanapun, hal keadaan semenjak tarikh itu telah menunjukkan bahawa Akta Hasutan 1948 masih relevan seiring dengan pengiktirafan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan perlindungan terhadap penyalahgunaan Akta itu untuk membendung kritikan yang sah terhadap Kerajaan dan perbincangan isu yang menjadi kebimbangan rakyat Malaysia. Antara isu yang menjadi kebimbangan itu adalah lontaran komen, penyebaran maklumat dan penerbitan yang memudaratkan dan berniat jahat yang menjadi-jadi yang menggugat ciri-ciri negara Malaysia yang paling bernilai – toleransi dan keharmonian kaum dan agama di kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Apa yang lebih membimbangkan adalah suara yang menuntut pemisahan Negeri-Negeri dalam Persekutuan Malaysia yang ditubuhkan melalui persetujuan bersama rakyat Malaysia dan bidasan yang tidak wajar terhadap institusi beraja di Malaysia, Yang-di-Pertuan Agong dan Raja-Raja bagi Negeri-Negeri.

Maka, dengan latar belakang ini Kerajaan telah memutuskan agar Akta Hasutan 1948 (“Akta 15”) dikekalkan pada masa ini dengan penambahan langkah-langkah dan hukuman yang diperkukuh bagi menangani ancaman terhadap keamanan, ketenteraman awam dan keselamatan di Malaysia, khususnya ancaman melalui penyalahgunaan yang tidak bertanggungjawab platform media sosial dan peranti komunikasi yang lain untuk mengembangkan keadaan pecah belah dan untuk menghina kaum, agama, budaya, *dsb.* sesuatu masyarakat di Malaysia tanpa menghiraukan kesannya.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 15 untuk memasukkan takrif “by electronic means”. Istilah ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 10 Akta 15 dan kemasukan seksyen baru 10A ke dalam Akta 15.

4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 15 dan antara pindaan penting adalah seperti yang berikut:

- (a) di bawah *subfasal (a)(i)*, perbuatan mana-mana orang untuk mengembangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap Kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah Akta 15. Pindaan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadi lebih terbuka dan dengan itu membolehkan orang awam bebas untuk memberikan maklum balas atau kritikan terhadap Kerajaan agar dapat mewujudkan suatu pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab di Malaysia;
- (b) *subfasal (a)(ii)* bertujuan untuk meminda perenggan 3(1)(b) Akta 15 dengan memasukkan misalan untuk menjelaskan bahawa perenggan (b) termasuklah perbuatan mengapi-apikan mana-mana orang atau mana-mana kumpulan orang untuk menuntut pemisahan mana-mana Negeri dari Malaysia. Tuntutan bagi pemisahan sedemikian sememangnya sudah menjadi perbuatan menghasut di bawah perenggan (b);
- (c) *subfasal (a)(iii)* bertujuan untuk memotong perenggan 3(1)(c) Akta 15 yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Dengan pemotongan ini, apa-apa perbuatan mengembangkan kebencian atau penghinaan atau untuk membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia tidak lagi dianggap sebagai perbuatan menghasut dan oleh itu tidak akan ditangani sebagai suatu kesalahan di bawah Akta 15;
- (d) *subfasal (a)(v)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (*ea*) ke dalam subseksyen 3(1) Akta 15 untuk menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang mengembangkan perasaan jahat, permusuhan atau kebencian antara mana-mana orang atau kumpulan orang atas alasan agama. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melindungi kesucian agama yang dianuti oleh masyarakat berbilang agama di Malaysia. Perbuatan menghina dan mempermain-mainkan mana-mana agama boleh menyebabkan ketidakharmonian dan mengancam ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan kekeliruan, berhubung dengan agama Islam, agama merujuk kepada Hukum Syarak sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan tidaklah termasuk apa-apa ajaran sesat; dan
- (e) *subfasal (c)* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(3) Akta 15 untuk meluaskan pemakaian peruntukan ini untuk merangkumi penerbitan secara tidak langsung bahan menghasut.

5. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 15. Pindaan kepada subseksyen 4(1) bertujuan untuk menggantikan hukuman sedia ada bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1) dengan hukuman minimum pemenjaraan selama tempoh tiga tahun sehingga tempoh maksimum tujuh tahun dan meniadakan hukuman denda. Sebagai tambahan kepada peningkatan hukuman di bawah subseksyen 4(1), *fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 4(1A) untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman yang lebih tinggi bagi kesalahan di bawah Akta jika kecederaan tubuh badan atau

kerosakan harta benda telah disebabkan akibat daripada pelakuan kesalahan itu. Dalam hal sedemikian, hukuman minimum pemenjaraan selama lima tahun dan hukuman maksimum pemenjaraan selama dua puluh tahun boleh dikenakan untuk mengambil kira keseriusan kesalahan itu.

6. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A dan 5B ke dalam Akta 15. Seksyen baru 5A memperuntukkan bahawa jika seseorang dipertuduh atas kesalahan di bawah subseksyen 4(1A) dan terdapat perakuan secara bertulis Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa jaminan tidak boleh diberikan kepada orang yang dipertuduh demi kepentingan awam, orang itu tidak boleh dilepaskan dengan jaminan. Seksyen baru 5A adalah selaras dengan cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih tinggi bagi kesalahan hasutan yang menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda. Seksyen baru 5B bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk menghalang seseorang yang dipertuduh di bawah seksyen 4 yang dilepaskan dengan jaminan daripada meninggalkan Malaysia. Ini termasuklah memerintahkan orang yang dipertuduh itu menyerahkan dokumen perjalanannya. Dalam hal keadaan seseorang yang dipertuduh yang tidak memiliki apa-apa dokumen perjalanan, mahkamah boleh memerintahkan Ketua Pengarah Imigresen untuk tidak mengeluarkan apa-apa dokumen perjalanan kepada orang itu.

7. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 15. Dengan pindaan ini, mahkamah hendaklah menggunakan hukum keterangan biasa berkenaan dengan kebolehpercayaan saksi dalam kes hasutan.

8. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A ke dalam Akta 15. Seksyen baru 6A menyatakan bahawa seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai berkenaan dengan kesalahan di bawah subseksyen 4(1A) Akta 15.

9. *Fasal 8* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 10 Akta 15 bagi memberi Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah bagi penghapusan penerbitan menghasut yang dibuat secara elektronik, seperti penerbitan dalam talian.

10. *Fasal 9* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 15. Di bawah seksyen baru ini, kuasa diberikan kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah mengenai penerbitan menghasut yang dibuat secara elektronik oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti. Bagi maksud ini, memandangkan pelaku tidak dapat dikenal pasti, perintah ini hendaklah dikeluarkan kepada pegawai diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menghalang capaian kepada penerbitan itu.

11. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

RANG UNDANG-UNDANG HASUTAN (PINDAAN) 2015

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. Fasal 3

Fasal 3 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (a)—

(i) dengan memotong subsubfasal (ii);

(ii) dengan menomborkan semula subsubfasal (iii), (iv) dan (v) masing-masing sebagai subsubfasal (ii), (iii) dan (iv); dan

(b) dengan menggantikan subfasal (c) dengan subfasal yang berikut:

“(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) For the purpose of proving the commission of any offence against this Act, the intention of the person charged at the time he did or attempted to do or made any preparation to do or conspired with any person to do any act or uttered any seditious words or printed, published or caused to be published, sold, offered for sale, distributed, reproduced or propagated any publication or did any other thing shall be deemed to be irrelevant if in fact the act had, or would, if done, have had, or the words, publication or thing had a seditious tendency.”.

2. Fasal 4

Fasal 4 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (a)—

(i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subsubfasal (i);

(ii) dengan memasukkan selepas subsubfasal (i) subsubfasal yang berikut:

“(ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “imports” dengan perkataan “propagates”; dan”; dan

(iii) dengan menomborkan semula subsubfasal (ii) yang sedia ada sebagai subsubfasal (iii); dan

(b) dalam subfasal (b) dalam subseksyen baru (1A)—

(i) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “imports” dengan perkataan “propagates”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “five years” dengan perkataan “three years”.

3. Fasal 5

Fasal 5 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Seksyen baru 5A”

- (b) dengan memotong seksyen baru 5A; dan
- (c) dengan menomborkan semula seksyen baru 5B sebagai seksyen baru 5A.

4. Fasal 6

Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan fasal 6 dengan fasal yang berikut:

“Penggantian seksyen 6

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Evidence

6. No person shall be convicted of any offence under paragraph 4(1)(c) or 4(1A)(c) if the person proves that the publication in respect of which he is charged was printed, published or caused to be published, sold, offered for sale, distributed or reproduced without his authority, consent and knowledge and without any want of due care or caution on his part, or that he did not know and had no reasonable ground to believe that the publication had a seditious tendency.”.

HURAIAN

Pindaan kepada Rang Undang-Undang bertujuan untuk menambah baik peruntukan Akta ibu. Antara lain, pindaan telah dibuat untuk memotong misalan yang telah dimasukkan bagi perenggan 3(1)(b) Akta ibu, mengurangkan hukuman minimum pemenjaraan bagi kesalahan di bawah subseksyen baru 4(1A) Akta ibu daripada lima tahun kepada tiga tahun dan mengeluarkan perbuatan mengimport penerbitan menghasut daripada ruang lingkup Akta ibu. Dengan pindaan ini, perbuatan mengimport penerbitan menghasut tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta ibu. Selain itu, pindaan ini mengekalkan kuasa mahkamah untuk memberi jaminan bagi kesalahan hasutan.